



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2005

PINDAAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2004 KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda Lampiran C, kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004.

PINDAAN

2. Kerajaan telah bersetuju melanjutkan tempoh pelantikan Syarikat AXA Affin Assurance Berhad sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian. Sehubungan dengan itu, Lampiran C di perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004 hendaklah merujuk kepada perenggan seperti berikut:

“Kerajaan telah melantik **Syarikat AXA Affin Assurance Berhad** sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian mulai **24 Oktober 2005 hingga 23 April 2006**. Skim perlindungan yang digunakan adalah skim **Smart Traveller**. Sebarang pertanyaan berkaitan skim perlindungan ini bolehlah

dikemukakan kepada syarikat berkenaan seperti alamat di bawah:

AXA AFFIN ASSURANCE BHD.
GROUND FLOOR WISMA GOLDHILL
67 JALAN RAJA CHULAN
50200 KUALA LUMPUR

TELEFON : 03-21708282/21708383
FAKS : 603-20316391"

TARIKH KUAT KUASA

3. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 24 Oktober 2005.

PEMAKAIAN

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Lampiran C kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004 adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAJI ABDUL WAHAB BIN MULAJAT)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan),
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

26 Oktober 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan